

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## SUMBANGAN TAMADUN ISLAM DALAM BIDANG TEKNOLOGI PERHUBUNGAN DALAM SEJARAH UMAT MANUSIA<sup>1</sup>

**Mahayudin bin Hj Yahaya**

[mhy@unissa.edu.bn](mailto:mhy@unissa.edu.bn)

(mahayuddin.yahaia@unissa.edu.bn)

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam

### *Abstrak*

*Bidang teknologi perhubungan merupakan sumber insperasi dan wadah kedaulatan dan kemakmuran masyarakat antabangsa. Sumber-sumber primer Arab pada umumnya telah mengesahkan perkara ini. Teknologi perhubungan terjadi dalam dua keadaan, fizikal dan non-fizikal. Dari segi fizikal berlaku menerusi perhubungan dan pengangkutan jalan darat dengan menggunakan kenderaan dan binatang ternakan seperti unta dan kuda, dan jalan laut menerusi kapal bagi tujuan urusan niaga, berkerja, berdakwah dan menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara luar. Dari segi non-fizikal, ialah menghubungkan ilmu pengetahuan dalam bentuk trans-discipline (merentasi sempadan ilmu) atau integrated (kesepaduan ilmu). Kedua-dua bentuk perhubungan ini merupakan sumbangan terbesar tamadun Islam ke atas tamadun dunia. Kesan daripada kesepaduan antara `ulūm naqliyyah (syariah) dengan `ulūm `qliyyah (sains dan teknologi) telah membawa kepada “ledakan teknologi” perhubungan sehingga lahirnya teknologi angkasa dan maya (ICT). Kesan daripada perkembangan sains dan teknologi ini pula telah membawa kepada transformasi sosial di negara-negara di dunia. Transformasi sosial yang berlaku telah merubah corak dan gaya hidup manusia dari zaman tradisi kepada zaman moden sehingga lahirnya “Masyarakat Madani” dan seterusnya “Masyarakat `Umrānī” yang bersifat “Global”. Objektif kertas kerja ini ialah untuk meningati dan mengabadikan sumbangan tamadun Islam dalam bidang perhubungan atau komunikasi dalam sejarah kehidupan manusia. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah konsep “Hijrah”, “Milahah”, dan “`Umrān”, serta kesepaduan ilmu bagi menjana teknologi perhubungan yang sihat dan selamat serta bersepadu (trans-communication), dan diakhiri dengan beberapa cadangan bagi menangani isu perhubungan ke arah perpaduan ummah.*

**Kata kunci:** perhubungan - kesepaduan - hijrah- milāḥah - `umrān

---

<sup>111</sup> Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Simposium Majlis Ilmu pada bulan Ogos tahun 2016 di ICC, Negara Brunei Darussalam.

## PENDAHULUAN

Teknologi perhubungan merupakan sumber inspirasi dan wadah pembangunan, kemakmuran dan perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat, serantau dan antarabangsa. Sumber-sumber primer Arab dan Melayu pada umumnya telah mengesahkan bahawa Hijrah Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam* dari kota Makkah ke kota Madinah telah membuka lambaran baharu dalam bidang perhubungan dan komunikasi dan sekali gus menjadi titik tolak kepada rangkaian hubungan kerjasama antara negara Islam Madinah dengan negara-negara luar bagi mencapai kata sepakat berhubung isu-isu global bagi tujuan keamanan dan kestabilan serantau dan antarabangsa. Daripada semangat Hijrah jugalah maka lahirnya ilmu pelayaran (maritim) bagi memandu ahli-ahli pelayaran Islam untuk menjelajah ke seluruh dunia bagi tujuan dakwah dan perdagangan. Kesan daripada kedatangan Islam telah mengubah sistem hidup masyarakat melalui Islamisasi dan transformasi sosial berasaskan falsafah hidup Islam. Sistem dan cara hidup yang dibawa oleh Islam adalah bersifat universal dan global supaya manusia boleh hidup aman makmur menerusi sistem komunikasi dua hala tanpa mengira bangsa, kaum atau agama serta tunduk dan patuh kepada hukum kejadian alam dan manusia ciptaan Allah *Subhānahu wa Ta`āla* Tuhan Sekelian Alam (*Rabb al-`Ālamīn*).

Allah *subhānahu wa Ta`āla* telah menjadikan manusia berbilang bangsa dan puak bagi tujuan berkenalan dan menjalin hubungan antara satu dengan yang lain. Daripada jalinan dan hubungan inilah maka lahirnya kesefahaman dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam. Perpaduan dan kerjasama di dalam kalangan masyarakat adalah penting dan tonggak kedaulatan dan kemakmuran negara. Terbentuknya sesebuah negara adalah hasil kerjasama dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Kedaulatan dan survival negara juga bergantung pada semangat setiakawan dan ketaatsitaan yang tidak berbelah bagi rakyat terhadap negara. Apabila negara kuat dan berdaulat, maka pada ketika itulah lahirnya teknologi perhubungan dan komunikasi yang sihat dan selamat.

## METODE KAJIAN

Berhubung dengan tajuk yang dibincangkan, penulis telah memilih dua kaedah atau pendekatan yang relevan dengannya. Pertama, berbentuk **sejarah** (*historical*) dan kedua, **sosiologi** (*sociological*).

Sejarah berlaku dalam bentuk menegak (*vertical*), sementara sosiologi dalam bentuk mendatar (*horizontal*) mengikut keadaan dan perubahan masa serta geopolitik, iklim, tanah, dan cuaca yang berbeza yang membentuk kebudayaan dan tingkah laku masyarakat yang berbilang kaum, bangsa, dan agama di dalam sebuah negara. Oleh itu, skop dan ruang lingkup ilmu sosiologi adalah sangat luas dan jauh lebih luas daripada bidang sejarah, sepertimana yang difahami umum, iaitu mengenai “peristiwa masa lalu”. Ilmu sosiologi atau ilmu kaji masyarakat adalah merentasi sempadan geografi, iklim, kaum dan agama. Namun begitu, kedua-dua bidang tersebut saling memerlukan antara satu dengan yang lain bagi menentukan pelaksanaan dan kejayaan hubungan antara masyarakat yang hendak dikaji.

Sejarah menurut hukum sosiologi, dilihat dari sudut perubahan yang berlaku dalam masyarakat termasuk aspek kependudukan yang melibatkan bidang “demografi”. Di samping demografi, ia turut mengkaji mengenai ras dan kebudayaan dalam masyarakat yang kita kenali sekarang sebagai ilmu “antropologi”. Begitu juga dari aspek psikologi politik, ekonomi, moral, dan kesan alam sekitar turut dibahas sebagai sumber sejarah.

Ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa sejarah dalam erti kata yang luas bukan semata-mata mengenai peristiwa masa lalu, tetapi mempunyai kaitan langsung dengan peristiwa masa kini dan masa akan datang yang dialami masyarakat. Inilah yang dikatakan sejarah tulen dan “bersepadu”, “holistik” (*shumūlī*), “objektif” (*maudū’ī*), dan “tauhidī” (*rabbānī*) dari segi sumber, skop dan ruang lingkup serta berpaksikan hukum kejadian manusia (*ṭabīʿat al-`umrān*) dan kejadian alam (*ṭabīʿat al-akwān*).

Sejarah menurut hukum sosiologi membincangkan empat perkara asas: 1) benda yang dikaji, seperti kebudayaan, 2) cara kebudayaan dibentuk, 3) metode kajian, dan 4) tujuan kajian. Setiap kajian mengandungi enam hukum masyarakat: 1) masyarakat yang tetap mengikut pola-pola dan rentetan yang tepat dan jelas, 2) hukum masyarakat secara keseluruhannya, 3) hukum masyarakat berdasarkan sejarah masa lampau, 4) hukum masyarakat adalah sama jika pola-

polanya sama walaupun berjauhan atau berlainan tempat, 5) masyarakat sentiasa berubah dan berkembang akibat transformasi sosial dan proses peniruan, dan 6) hukum ini adalah hukum sosial dan bukan hukum biologi, yakni tidak mengira rupa paras atau kaum. Bagi menguji keberkesanan kedua-dua kaedah ini, maka kita gunakan pula sistem “aruhan”.

Aruhan (induksi) merupakan suatu sistem atau bentuk kajian yang bersifat saintifik, bermula daripada pemerhatian, diikuti cerapan dan cerapan semula atau dari objek yang kecil kepada yang lebih besar untuk sampai kepada premis atau formula untuk dijadikan teori. Kaedah ini pernah digunapakai oleh Ibn Khaldun dalam teori umran dan diikuti oleh ahli-ahli sains Islam, termasuk ahli-ahli pelayaran bagi menghasilkan kajian yang konkrit (*valid*) dan boleh dipercayai (*reliable*).

Tidak syak lagi bahawa sejarah dan sosiologi merupakan dua bidang perkongsian yang bertali arus bagi menghasilkan teknologi komunikasi dan perhubungan yang berkesan; tiada sejarah tanpa masyarakat dan begitu juga di sebaliknya. Setiap tindak tanduk masyarakat akan menjadi sejarah, dan dari sejarah akan lahir ilmu kemasyarakatan (ilmu sosiologi). Daripada dua ilmu ini manusia akan menjalin hubungan dan berkomunikasi bagi membangunkan masyarakat dan negara sehingga menjadi maju dan makmur. Oleh kerana sejarah yang dilalui manusia berbeza dan berliku menyebabkan corak kehidupan, teknologi komunikasi, dan tahap kemakmuran turut berbeza. Isu ini akan ditangani oleh ilmu *umrān*.

## **MEKANISME TEKNOLOGI PERHUBUNGAN ISLAM**

Seperti yang diketahui umum, alam ini sifatnya cukup kompleks, dan di dalamnya tersembunyi seribu satu rahsia. Tujuan Allāh *Subḥānahu wa Ta`ālā* mencipta alam ini tidak lain adalah untuk faedah manusia. Dengan sebab itu, Allāh *Subḥānahu wa Ta`ālā* memerintahkan manusia supaya merenung, memikir dan mengkaji tentang kejadian alam. Malah Allah Allāh *Subḥānahu wa Ta`ālā* memerintahkan manusia supaya berusaha mencari dan menerokai rahsia kejadian alam. Tujuannya ialah supaya mereka boleh melihat sendiri tentang kebesaran Allāh *Subḥānahu wa Ta`ālā* menrusi kejadian alam bagi memperkukuhkan akidah dan iman mereka terhadap penciptaNya, di samping menjana ilmu pengetahuan serta menjalin hubungan silaturrahim antara

sesama manusia bagi memperkukuhkan perpaduan, khususnya dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia.

Oleh yang demikian, *milāḥah* dan hijrah merupakan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan antara satu dengan yang lain dan kedua-duanya merupakan suatu keperluan bagi tujuan untuk menjelajah, meneroka, dan mengkaji rahsia kejadian alam dari pelbagai arah dan tujuan sepertimana yang dinyatakan tadi.

## **Hijrah**

Hijrah Nabi Muhammad *ṣallallāhu alaihi wasallam* dan para sahabat dari kota Makkah ke Madinah boleh dianggap sebagai titik permulaan dan pembuka jalan kepada proses hijrah ke luar negara melalui *milāḥah* dan *riḥlah*. Semangat Hijrah Rasulullah *ṣallalāhu `alaihi wasallam* yang tertanam di dalam jiwa umat Islam telah membakar semangat para pendakwah dan ahli-ahli pelayaran Islam untuk keluar negeri bagi tujuan dakwah. Di antara saluran yang digunakan bagi tujuan hijrah dan dakwah pada ketika itu tidak lain adalah melalui *riḥlah* dan *milāḥah*.<sup>2</sup>

Hijrah Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam* dari kota Makkah ke kota Madinah mempunyai dua tujuan: pertama, merangka strategi pembangunan umat Islam melalui komunikasi dengan masyarakat Madinah yang berbilang kaum dan agama. Kedua, menyebarkan agama Islam di kawasan yang lebih selamat (di Madinah) sebelum dibawa ke seluruh dunia. Dua strategi komunikasi yang bersifat dakwah dan pembangunan ummah ini terkandung dalam falsafah Hijrah Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam* dari kota Makkah ke kota Madinah. Hijrah yang sedemikian rupa telah mencetuskan teknologi perhubungan dan komunikasi yang luas dan berkesan serta sihat dan selamat untuk digunakan demi kesejahteraan dan kecemerlangan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

---

<sup>2</sup> Milāḥah atau disebut juga *riḥlah* memberi maksud “pelayaran”, “pengembaraan”, “penjelajahan”, dan penerokaan. Menurut *Kamus Dewan*, penjelajahan ialah perihal menjelajahi dan mengelilingi atau berjalan ke merata tempat untuk tujuan penyelidikan. Manakala penerokaan pula ialah prihal perbuatan, usaha, dan sebagainya bagi tujuan menerokai kawasan-kawasan baru bagi tujuan-tujuan tertentu.

Konsep “Serampang Dua Mata” dalam teknologi komunikasi ini boleh disifatkan sebagai komunikasi bersepadu, iaitu hasil gabungan antara teknologi perhubungan yang bersifat fizikal (seperti pengangkutan darat, laut dan udara yang menggunakan sains dan teknologi) dan non-fizikal (seperti ilmu, kebudayaan dan akhlak yang menggunakan akal dan wahyu); jika hilang salah satu daripada keduanya, maka kehidupan masyarakat akan menjadi lemah dan tempang. Hal ini sering terjadi kepada masyarakat yang dianggap bertamadun. Menurut Ibn Khaldun, tamadun tidak akan kekal selama-lamanya, dan lambat laun ia akan runtuh dan musnah disebabkan budaya tamadun itu sendiri yang sering mengabaikan aspek agama dan akhlak dan lebih mementingkan aspek pembangunan fizikal, begitulah juga sebaliknya.

Ibn Khaldun telah memperincikan sebab-sebab keruntuhan dan kemusnahan tamadun dengan mengatakan bahawa ia berpunca dari dua sebab. **Pertama**, kerana hilangnya semangat setiakawan dan kesetiaan terhadap negara. **Kedua**, kerana terikut-ikut dengan budaya tamadun Yunani, iaitu hidup bermewah-mewah dan berpoya-poya serta asyik mencari harta kekayaan sehingga lahirnya *pseudo* manusia (manusia fizikal) dengan mengabaikan aspek agama dan akhlak.<sup>3</sup>

### **Kesan dan Pengaruh Hijrah Keatas Teknologi Perhubungan**

Walaupun pada zaman Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam* teknologi perhubungan tidaklah semaju dan secanggih sepertimana yang ada pada hari ini, namun begitu, sistem perhubungan terus maju dan berkembang dari semasa ke semasa sama ada melalui jalan darat mahupun jalan laut bagi menghubungkan negara Islam Madinah dengan negara-negara luar. Dengan wujudnya sistem perhubungan ini menyebabkan kerajaan Islam Madinah menjadi terkenal dan berpengaruh, dan pengaruhnya meluas hingga sampai ke seluruh dunia. Teknologi perhubungan yang diamalkan pada ketika itu dikenali sebagai *trans-communication*.

Sejarah ibarat “roda” berputar mengikut peredaran masa. Begitu jugalah teknologi perhubungan dan komunikasi berputar dan berkembang mengikut peredaran masa selari dengan perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi. Begitu juga masyarakat turut berkembang dan

---

<sup>3</sup> Ibn Khaldun. 1991. *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm.101.

berubah melalui proses penghijrahan. Keadaan masyarakat tidak sama mengikut perebezaan iklim dan geopolitik di mana mereka tinggal. Semuanya ini sedikit sebanyak memberi kesan dari segi sosiobudaya dan pemikiran mereka. Namun begitu, menerusi teknologi perhubungan yang berkesan akan merapatkan jurang perbezaan tersebut bagi melahirkan masyarakat yang harmonis serta saling hormat menghormati antara satu dengan yang lain.

### ***Milāḥah***

*Milāḥah* bermaksud “pelayaran di laut”, sementara *riḥlah* pula merupakan perjalanan, sama ada di laut atau di darat.<sup>4</sup> Tujuannya adalah pelbagai, termasuk perdagangan, dakwah, komunikasi, mencari ilmu dan pengalaman. Di dalam al-Qur`ān (surah Quraysh, ayat 2) *riḥlah* merujuk kepada perjalanan bagi melakukan aktiviti perdagangan yang diamalkan oleh kaum Quraish Makkah pada zaman sebelum Islam. Perjalanan ini dilakukan dalam dua musim, iaitu musim panas ke Syam (utara Semenanjung Tanah Arab) dan musim sejuk ke Yaman (selatan Semenanjung Tanah Arab). Firman Allah:

لَا يَلْفُ قُرَيْشٍ ۱ إِلَّا فِيهِمْ رِحْلَةَ الشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ ۲

Maksudnya: “kebiasaan orang Quraysh berjalan pada musim sejuk (ke Yaman) dan musim panas (ke Syam)”.

Menurut Ibn Khaldun, bagi melahirkan sistem komunikasi bersepadu di peringkat antarabangsa, hukum dan peraturan kejadian alam ciptaan Allah *Subhanahu wa Ta`ala* perlu dicari dan dikaji melalui pelbagai cara, antaranya ialah menerusi penerokaan dan pengembaraan atau *Rihlah*. Tugas ini terletak di atas bahu manusia sebagai “khalifah Allah di muka bumi”. Sebagai “Khalifah Allah di muka bumi”, manusia dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan memakmurkan bumi di mana jua mereka berada. Dengan sebab itu Allah memerintahkan manusia supaya keluar dan meneroka serta mengkaji rahsia kejadian alam (setelah selesai melakukan solat) bagi tujuan untuk mengetahui dan memahami tentang kebesaran Allah *Subḥānahu wa Ta`ala*

---

<sup>4</sup> Lihat nota kaki, no.2

“Yang Maha Pencipta” menerusi ciptaanNya di langit dan di bumi bagi keperluan dan kebaikan manusia. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, apabila disebut untuk menunaikan solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu untuk mengingat Allah dan tinggalkanlah urusan jual beli, yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui” (al-Quran, Surah al-Jum`ah, ayat 9).

Diikuti dengan firmanNya:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah kurniaan Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung” (al-Qur`an, Surah al-Jum`ah, ayat 10).

FirmanNya lagi:

أَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ ءَادَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا

Maksudnya: “Maka apakah mereka tidak mengembara di muka bumi hingga mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat memahami atau mempunyai telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar..” (al-Qur`an, Surah al-Hajj, ayat 46).

Ayat-ayat yang dibacakan tadi merupakan isyarat dan petunjuk daripada Allah *Subhānahu wa Ta`āla* khususnya bagi orang Islam supaya mengembara dan menejelajah ke seluruh pelusuk dunia bagi tujuan untuk memperkukuhkan akidah dan iman mereka terhadap Allah *Subhānahu wa Ta`āla* melalui ciptaanNya dengan melihat sendiri segala kejadian yang berlaku di dalam alam. Bagi tujuan ini mereka terpaksa menjelajah dan berhijrah keluar negeri bagi menyaksikan kejadian alam sama ada di langit mahupun di bumi. Kesan daripada penjelajahan dan penerokaan ini akan menghasilkan ilmu pengetahuan yang banyak, khususnya dalam bidang ekonomi perdagangan, geografi dan maritime.

Kita sedia maklum bahawa aspek ekonomi atau lebih khususnya ilmu perdagangan, geografi dan maritim adalah penting dalam teknologi perhubungan dan ia tidak boleh dipisahkan daripada agama kerana kedua-duanya dituntut dalam Islam dan kedua-duanya menjadi pra-syarat kepada pembangunan negara.<sup>5</sup>

## Objektif *Milāḥah*

Bagi orang Barat, *milāḥah* diertikan sebagai *Navigation, travel, voyage*) mempunyai tiga objektif yang dikenali sebagai **3G**: *Glory, Gospel, dan Gold*. Tujuannya ialah bagi mencapai cita-cita politik mereka menerusi penaklukan, cita-cita agama menerusi pengkristianan, dan cita-cita ekonomi menerusi perdagangan. Mereka tidak melihat lebih dari itu kerana tujuan utama mereka ialah untuk membina dan memperkasakan negara asal mereka melalui hasil pendapatan yang dipungah dari negeri-negeri yang dijajah dengan memaksa penduduk tempatan memeluk agama mereka (agama Kristian) tanpa mengambil kira kebajikan dan kepentingan serta kepercayaan penduduk setempat. Keadaannya berbeza dengan objektif *milāḥah* dan *riḥlah* dalam Islam.

Objektif *milāḥah* dan *riḥlah* dalam Islam adalah bermotifkan **4P**: *Pembebasan (taḥrīr)*, *Pengislaman (dakwah)*, *Pengintelektualan (ta`līm)*, dan *Pemakmuran (umrāniyyah)*. Tujuannya ialah untuk menjamin keselamatan, kebajikan, dan kesejahteraan masyarakat di dunia dan di akhirat, sesuai dengan tuntutan agama Islam.

Pada umumnya, objektif 4P memberi maksud, **pertama**, membebaskan penduduk tempatan daripada cengkaman penjajahan melalui sistem politik Islam yang adil (*justice*) dan saksama (*equality*), **kedua**, membebaskan mereka daripada belunggu syirik dan kekufuran melalui dakwah tanpa paksaan ke atas penduduk tempatan untuk menukar agama mereka kepada agama Islam, **ketiga**, membebaskan mereka daripada belunggu kejahilan menerusi penyebaran ilmu pengetahuan, keempat, membebaskan mereka daripada belunggu kemiskinan menerusi pengagihan harta kekayaan dari sumber bumi dan laut yang adil dan saksama serta membuka peluang pekerjaan bagi menjana harta kekayaan dan kemakmuran. Objektif-objektif ini

---

<sup>5</sup> Sebagai contoh, Muhammads Diya` al-Din Rayes. 1979 dalam *al-Nazariyyāt al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah*. Mesir: Dar al-Ma`arif dan al-Mawardi dalam kitab *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, mengtakrifkan Islam sebagai “agama dan pemerintahan”.

menyerupai dengan apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah *ṣallallāhu `alihi wasallam* sewaktu Baginda berhijrah dari kota Makkah ke kota Madinah. Dengan bermotifkan 4P, maka ramai para pedagang dan pendakwah Islam merantau keluar negara bagi menunaikan tanggungjawab serta melaksanakan konsep 4P menerusi sistem perhubungan bersepadu, sihat dan selamat dengan penduduk tempatan.

### **Ilmu Geografi dan Maritim**

Sebelum melakukan pelayaran, mereka memerlukan pengetahuan dan kemahiran, khususnya dalam bidang geografi, astronomi dan maritim bagi memandu mereka untuk sampai ke destinasi, sama ada menerusi jalan laut atau darat.

Ilmu-ilmu Yunani kuno dalam bidang geografi, astronomi dan maritim telah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya, di samping membuat penambahbaikan sehingga terhasilnya maklumat-maklumat baharu dalam bidang-bidang dan seterusnya digunapakai oleh ahli-ahli pelayaran yang berikutnya termasuk ahli-ahli pelayaran dari Eropah.

### **Ilmu *`Umrān* dalam Sistem Komunikasi**

Selain daripada *Hijrah* dan *milāḥah*, sumbangan terbesar Tamadun Islam dalam sistem perhubungan dan komunikasi di peringkat antarabangsa ialah ilmu *`umrān*. Ia mula diperkenalkan oleh Ibn Khaldun pada abad ke-14M. Ilmu *`umrān* dicipta khas bagi menangani masalah komunikasi dan hubungan masyarakat dengan kehidupan yang melibatkan tiga dimensi, Allah (Pencipta) dan makhluk (manusia dan alam). Oleh itu, ilmu *`umrān* mempunyai skop yang sangat luas serta membawa ciri-ciri dan nilai-nilai hidup yang bersifat global dan universal dalam bentuk perhubungan, kemanusiaan, keadilan, dan kedemokrasian; sifatnya tidak statik tetapi dinamik bagi memelihara kesejahteraan hidup manusia di muka bumi ini. Ilmu *`umrān* bersendikan hukum agama dan hukum kejadian alam dan manusia ciptaan Allah *Subḥānahu wa Ta`ālā* dan sekali gus telah mencetuskan sistem perhubungan global yang bersepadu (*trans-communication*). Sistem perhubungan global dan bersepadu ini belum pernah dibincangkan oleh sesiapa kecuali Ibn Khaldun. Menurut beliau, teknologi perhubungan bermula dari desa atau padang pasir, setelah itu

berkembang ke kota dan akhirnya ke peringkat antarabangsa. Jika di padang pasir atau luar kota dipanggil “*umrān badawī*”; Jika di kota dipanggil “*umrān ḥaḍarī*”, dan jika di peringkat antarabangsa dipanggil “*umrān `ālam*.”<sup>6</sup> Di kota terdapat lebih banyak kemudahan perhubungan, termasuk sistem pengangkutan berbanding di luar kota yang menyebabkan sistem pengangkutan di kota lebih maju berbanding di luar kota. Apabila sistem pengangkutan berkembang ke peringkat antarabangsa dan merentasi ruang udara dan lautan, maka pada ketika itu sistem perhubungan menjadi lebih canggih, sepertimana yang terdapat pada hari ini.

Daripada apa yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun itu tadi jelaslah tentang erti dan maksud “*umrān-`ālam*” serta perbezaannya dengan “*umrān-ḥaḍarī*” (*umrān* di kota) dan “*umran-badwi*” (*umran* di luar kota) dalam sistem perhubungan. Dengan kata lain, *umrān-`ālam* memberi maksud dan pengertian yang lebih luas berbanding “*umrān-ḥaḍarī*” atau “*umran-badwi*”. Oleh itu, sistem perhubungan yang hendak dicapai oleh generasi akan datang ialah *trans-communication* atau komunikasi global. Dalam konteks teknologi komunikasi global, *umrān `ālam* atau “*trans-communication*” merupakan sumbangan terbesar yang pernah dilahirkan oleh tamadun Islam dalam sejarah dunia.

*Trans-communication* juga boleh diterjemahkan sebagai “komunikasi bersepadu”, iaitu gabungan antara budaya tamadun kota dan budaya tradisi luar kota, dan kedua-duanya saling memerlukan serta memainkan peranan penting bagi melahirkan tamadun dunia yang akan dinikmati bersama oleh setiap kaum, bangsa dan agama. Bagi melahirkan *trans-communication* (*umārṅ `ālam*), beberapa ciri utama diperlukan, iaitu seperti berikut:

**Pertama**, hukum kejadian alam dan manusia ciptaan Allah *Subhānahu Wa Ta`āla* yang melibatkan hubungan antara manusia sesama manusia dan hubungan antara manusia dengan alam sekitar mesti dipatuhi. Hukum kejadian alam dan manusia disebut sebagai *ayātullāh* (tanda-tanda Allah) di dalam al-Qur`an.

**Kedua**, sejarah, sosiologi dan sains dijadikan *manhaj* atau cara bagi melahirkan teknologi *trans-communication*. Sejarah mencerminkan tindak tanduk manusia masa lalu tentang

---

<sup>6</sup>Keterangan lanjut, sila rujuk Mahayudin Hj Yahaya, “Umran al-`Alam Dari Perspektif Ibn Khaldun: Suatu Anjakan Paradigma”, *International Journal of West Asian Studies*, vol 3, 1. 2011

keinginannya berinteraksi sesama mereka dan alam di sekelilingnya bagi melahirkan masyarakat yang bersatupadu dan sains dan teknologi.

**Ketiga**, lokasi yang sesuai dari segi iklim, tanah dan sumber air yang mencukupi bagi melaksanakan perusahaan perdagangan dan pertanian.

**Keempat**, ilmu pengetahuan yang mencukupi mengenai sistem perhubungan, sama ada dalam bentuk fizikal atau kemanusiaan.

**Kelima**, negara yang berdaulat, adil dan berpengaruh bagi megeratkan hubungan antara rakyat dan pemerintah.

**Keenam**, mempunyai pendidikan moral/akhlak yang tinggi bagi mencegah gejala sosial yang tidak diingini seperti rasuah, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

**Ketujuh**, perlaksanaan undang-undang syariah bagi menjamin kesejahteraan rakyat tidak kira bangsa, agama atau kaum.<sup>7</sup>

**Kelapan**, mewujudkan hubungan diplomatik dan kerjasama dengan negara-negara luar bagi mencetuskan “kesefahaman dan kemakmuran global” .

### **Tokoh-tokoh Islam dan Sumbangan Mereka Dalam Bidang Teknologi Perhubungan**

Sumber-sumber Arab telah menyatakan nama-nama tokoh Islam serta sumbangan mereka dalam bidang perhubungan yang melibatkan beberapa bidang ilmu, termasuk geografi, astronomi, pemetaan, dan maritime. Di antara nama-nama tokoh Islam tersohor adalah seperti yang berikut:

1. Al-Mas`udi, (283H/895M-345H/956M), pengarang kitab *Muruj al-Dhahab wa Ma`adin al-Jawhar*.
2. Ibn Hawqal (abad ke-4H./10M.), pengarang kitan al-Masalik wa al-Mamalik
3. Ibn Jubayr (540H/1145M-614H/1217M), pengarang kitab *Rihlah Ibn Jubayr*.
4. Ibn Battutah (703H/1304M-779H/1377M), pengarang kitab *Rihlah Ibn Battūtah*.

---

<sup>7</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, hlm. 151; Mustafa al-Shak`ah, *al-Usūl al-Islāmiyyah fi Fikr Ibn Khaldūn*, al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah, Cairo, 1988, hlm.68-69.

5. Ibn Majid (abd ke-9H./15M.)
6. Sulayman al-Mahri (abd ke-10H/16M).<sup>8</sup>

### **Al-Mas`udi**

Nama penuhnya Abu Hassan bin Ali bin al-Husain bin Abdullah al-Mas`udi. Beliau dilahirkan di Baghdad, Iraq, pada 283H/895M dan meninggal dunia di Fustat (Kaherah), Mesir, pada 345H/915M. Di antara sumbangan terbesar beliau dalam bidang teknologi perhubungan terhadap masyarakat dunia ialah ilmu astronomi dan geografi. Kitab *Muruj al-Dhahab wa Ma`adin al-Jawhar* merupakan karyanya yang terbesar dan dianggap sebagai ensiklopedia geografi. Beliau cuba menggabungkan geografi dengan disiplin sejarah, dan telah memberikan beberapa gambaran tentang gempa bumi, perairan Laut Mati dan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan ilmu geologi. Beliau menyokong teori Determinisme Alam Sekitar, iaitu suatu tanggapan bahawa factor persekitaran seperti iklim yang dipengaruhi oleh planet berkait rapat dengan sikap manusia. Beliau turut menerangkan kaitan antara faktor “di bumi nyata” dengan sikap dan penghidupan manusia. Mengenai geografi kawasan, beliau cuba menerangkan secara terperinci mengenai India. Beliau menyatakan bahawa kota Mansura merupakan kota paling maju di India Barat dan menjadi ibu kota negeri bahagian Sind.

Dalam bidang pelayaran, beliau telah berjaya menyelesaikan permasalahan yang dihadapi pelaut-pelaut dan ahli-ahli pelayaran tentang kekeliruan mereka tentang nama-nama sungai yang dilalui mereka dalam pelayaran. Beliau turut menerangkan keadaan, lokasi dan aktiviti perdagangan bagi para pedagang di India. Beliau turut menyatakan tentang laluan pelayaran bagi bangsa Arab melalui pantai Afrika. Beliau menyatakan bahawa setiap laut mempunyai pelaut dan pakar yang berlainan yang terdiri daripada pelbagai peringkat dan jenis. Hasil kajian beliau, Laut Kaspia tidak bersambung dengan Laut Hitam. Beliau turut menjelaskan keadaan muka bumi dan jarak dari benua Eropah ke Negeri China iaitu setengah lingkungan bumi.

---

<sup>8</sup> *Ensiklopedia Dunia*.2005 (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jilid 9, hlm 10; Mahayudin Hj Yahaya. 1986-1989. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Jilid 1-6.

## **Ibn Hawqal**

Nama penuhnya, Muhammad bin Ali Abu Qasim al-Mawsili al-Nasibi (abad ke 4H/10M), berasal dari Mesopotamia, merupakan tokoh ahli pelayaran dan geografi Islam yang turut menyumbang dalam bidang teknologi perhubungan. Karanya yang terkenal berjudul kitab *al-Masalik wa al-Mamalik (Surah al-Ard)*. Kitab ini mengandungi peta Sepanyol. Beliau telah membuat banyak pembetulan serta menambah maklumat mengenai sempadan negara Islam. Oleh itu, sumbangan beliau terbesar ialah dalam bidang pemetaan. Beliau telah memperbaharui dan membuat pembetulan peta-peta serta menambah nama-nama tempat yang telah dibuat oleh tokoh-tokoh sebelumnya. Beliau telah memperincikan sempadan dan iklim bagi setiap daerah. Beliau turut menyumbang mengenai kedudukan geografi serta menyebut nama-nama daerah di India secara terperinci. Beliau telah mencatatkan keadaan dan suasana di Pulau Sicily dan turut menganggarkan bilangan penduduk kota Palermo, Sicily.

## **Ibn Jubayr**

Nama penuhnya, Abu al-Husin Muhammad bin Ahmad bin Jubayr al-Kinani (540H/1145M-614H/1217M), Berasal dari Andalus. Beliau terkenal melalui karyanya berjudul *Rihlah Ibn Jubayr*. Di antara sumbangan terbesarnya dalam bidang teknologi perhubungan ialah merakam dan merekodkan tentang pulau Sicily, Andalus, Utatara Afrika, termasuk Mesir dan Semenanjung Tanah Arab serta bandar-bandar yang terdapat di kawasan-kawan tersebut. Beliau turut merekodkan jarak antara satu kawasan dengan kawasan lain yang tidak terdapat atau belum direkodkan di mana-mana. Sebagai contoh, beliau menyatakan jarak antara Pulau Kriti dan Iskandariyah ialah 600 batu dan tempoh perjalanan antara sibtah di Afrika Utara ke Iskandariyah melalui Laut Mediterranean selama 30 hari; antara pelabuhan Aidzab di Mesir ke pelabuhan Jeddah melalui Laut Merah memakan masa selama 8 hari. Beliu turut merakamkan peristiwa Perang Salib dan kemusnahan negeri Syam akibat serangan tentera Salib. Masyarakat Eropah telah mengkaji kitab *Rihlah Ibn Jubayr* sejak tahu 1800.<sup>9</sup>

---

<sup>9</sup> Ibn Jubayr (t.t). *Rihlah Ibn Jubayr*. Beirut: Dar al-Syarq al-Gharbi; *Ensiklopedia Dunia*.2005. (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahas dan Pustaka; Sahrulazmi Sidek (et al), *Proceeding of the Malaysia Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (MACASIC)*, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 29-30 Disember 2009, hlm.667-697.

## **Ibn Battūṭah**

Nama penuhnya Muhammad bin Abdullah al-Lawati atau lebih dikenali sebagai Ibn Battūṭah (1325M-1377M). Beliau seangkatan dengan Ibn Khaldun. Beliau adalah di antara tokoh-tokoh ahli maritim Islam tersohor yang tiba di Alam Melayu. Beliau bukan sahaja terkenal di dalam kalangan orang Islam, tetapi juga masyarakat di Eropah. Pengkaji-pengkaji dari Eropah menganggapnya sebagai *The Prince of Muslim Travellers*. Kedudukannya sebagai pengembara, selalu digandingkan dengan pengembara-pengembara terkenal di seluruh dunia termasuk Marco Polo dan lain-lain.

Ibn Battūṭah adalah seorang ilmunan dalam bidang maritim. Beliau bukan sahaja mahir berbahasa Arab tetapi juga mahir dalam beberapa bahasa asing terutamanya bahasa Parsi dan Turki. Pengembaraannya yang begitu jauh dalam jarak kira-kira 120,000 kilometer, bermula dari tempat kelahirannya, Tanger (Tanjah), Magribi, di sebelah barat hingga ke negeri China di sebelah timur, dan telah mengambil tempoh pengembaraan selama 28 tahun. Pengembaraan beliau boleh dibahagikan kepada empat peringkat. Peringkat pertama di kawasan Afrika Utara melalui laut Mediterranean dan Semenanjung Tanah Arab melalui laut Merah. Peringkat kedua di kawasan Iraq dan Parsi melalui Lautan Hindi dan Teluk Parsi. Peringkat ketiga di kawasan Asia Minor dan Turki. Peringkat keempat di India dan China melalui lautan Hindi. Dalam perjalanan ke China, beliau singgah di Sumatera utara dan bertemu dengan Sultan Malik al-Zahir (ada riwayat mengatakan Sultan Malik al-Saleh) yang memerintah kerajaan Pasai (Samudera-Pasai) pada ketika itu.

Dalam buku catatannya berjudul *Tuhfat al-Nazar* atau lebih dikenali sebagai *Riḥlah Ibn Battutah*,<sup>10</sup> beliau menyatakan bahawa raja Pasai pada ketika itu seorang yang sangat alim dalam mazhab Shafi'i, lebih alim daripada raja-raja di Hindustan, Turkistan, Bukhara, dan Mesir. Dan beliau turut menceritakan tentang bagaimana “Baginda (al-Malik al-Zahir) bermuzakarah ilmu fekah mazhab Syafi'i, dari waktu Zuhur sampai ke waktu Asar... Setelah selesai solat Asar, baginda pun masuk ke sebelah rumah yang berhampiran, dipakainya pakaian seorang fakih, pakaian yang serupa digunakan untuk ke masjid pada hari Jumaat dengan berjalan kaki. Setelah pakaian itu ditanggalkan, baginda memakai pakaian rasminya sebagai raja diperbuat dari sutera dan kutun...”

---

<sup>10</sup> Ibn Battutah. 1967. *Riḥlah*, Mesir: Matba'ah al-Istiqamah, Jilid 2, hlm. 178.

Sewaktu di istana raja, Ibn Baṭṭūṭah bertemu dengan dua orang ulama Pasai, iaitu `Amir bin Sa`id al-Shirazi dan Tajuddin al-Isfahani. Sepanjang tempoh di Sumatera, beliau telah diberikan sambutan meriah dan dihormati.<sup>11</sup> Kerajaan Samudera-Pasai mempunyai mata wang sendiri serta mempunyai hubungan baik dengan negeri-negeri Islam di Asia Barat.

Sebelum berangkat ke negeri China, Raja Pasai tersebut telah menyediakan sebuah bot besar yang dilengkapi dengan peralatan pelayaran untuk beliau belayar ke China.

Pengembaraannya yang begitu jauh yang terpaksa menempuh pelbagai dugaan dan cabaran membuktikan bahawa beliau adalah seorang ahli pelayaran yang cekal, tabah, kuat cita-cita, dan tidak mudah putus asa atau menyerah kalah. Sumbangan beliau dalam bidang perhubungan yang melibatkan agama, sejarah, sosiobudaya, dan ilmu pelayaran adalah tidak sedikit, khususnya bagi masyarakat Melayu Islam di Pasai. Dari ilmu dan pengalaman yang beliau curahkan sewaktu berada di Pasai telah dimanfaatkan oleh penduduk tempatan bagi memperkukuhkan institusi politik dan pendidikan Islam di Pasai.

### **Sulaiman al-Mahri**

Nama penuhnya, Sulaiman bin Ahmad bin Sulaiman al-Mahri (awal abad ke-10H/16M) berasal dari Hadramaut, Yaman, turut menyumbang dalam bidang geografi dan maritim. Beliau terkenal dengan gelaran *mu`allim al-bahr* (pakar mengenai laut). Hampir semua lautan yang terkenal di dunia telah dilalui dan dikaji secara terperinci. Bermula dari Lautan Hindi, setelah itu Lautan Pasifik, Lautan Artik, Lautan Atlantik dan Lautan Mediterranean. Beliau telah menghasilkan lima buah karya yang berkaitan dengan ilmu geografi, astronomi, dan maritim, iaitu seperti yang berikut:

1. *Qiladat al-Shumus fi ilm al-Tarikh*. Kitab ini membincangkan pembahagian tahun, bulan, bintang, matahari, takwim Qibti Byzantine dan Parsi.
2. *Tuhfah al-Fuhul fi Tamhiz al-Usul*. Kitab ini membincangkan ilmu falak (astronomi) dan sains nautika, bumi yang berbentuk sfera serta bintang, pelayaran dan seni pelayaran di laut. Terdapat dua acara pelayaran di laut, iaitu mengikut garis pantai atau

---

<sup>11</sup>*Ibid*

- menyeberangi laut dalam. Turut dibincangkan ialah kegunaan garis lintang sebuah pelabuhan; jarak di antara dua pelabuhan; sistem angin, dan seni pelayaran iaitu berdasarkan dua factor, iaitu pemerhatian dan pengalaman.
3. *Al-Umat al-Mahriyah fi Dabt al-'Ulum al-Bahriyyah*. Kitab ini membincangkan jarak antara bintang-bintang dan khatulistiwa, nama-nama bintang, laluan jalan-jalan laut sepanjang pantai barat dan timur Tanjung Camarin, jalan laluan ke Hijaz dan pantai selatan Semenanjung Tanah Arab, pantai barat lautan Hindi, pantai timur Afrika dan India, Malaya, Indo-China dan barat China. Ia turut membincangkan angin monsoon di Lautan Hindi dan menerangkan dua jenis monsoon yang melanda secara berlawanan di pantai barat dan timur India, Burema dan Malaya.
  4. *Al-Minhaj al-Fakhir fi 'Ilm al-Bahr al-Zakhir*. Kitab ini membincangkan laluan jalan laut di pantai Semenanjung Tanah Arab hingga ke Alam Melayu. Ia turut membincangkan latitude yang didiami; mengenai pulau-pulau besar termasuk Madagascar, Maldives, Ceylon, Jawa, Sumatera, Banda, Melaka, Farmusa, Borneo dan Celebes.
  5. *Shah Tuhfat al-Fuhul fi Tamhid al-Usul*. Kitab ini membincangkan langit berbentuk sfera, bintang-bintang, jalan-jalan laluan di laut, muka bumi, paras laut serta pergerakan angin. Oleh itu, beliau telah memberikan sumbangan yang sangat besar dan berguna dalam bidang astronomi, nautika dan saiz geografi pada abad pertengahan.

### **Ibn Majid,**

Nama penuhnya, shihabuddin Ahmad bin Majid al-Najdi (abd ke-9H./15M). Beliau terkenal dengan karya agungnya berjudul *Kitab al-Fawa'id fi Usul 'Ilm al-Bahr wa al-Qawa'id*. Kitab ini membincangkan mengenai kaedah dan faedah ilmu laut (maritim); mengenai pelayaran, perjalanan bintang, angin dan ombak. Jasa beliau terhadap ahli-ahli pelayaran Eropah ialah memandu Vasco da Gama dari Malindi (pantai timur Afrika) hingga ke Calicut (Kerala). Sumber Portugis menggelar Ibn Majid "Malemo Canaqua".<sup>12</sup>

---

<sup>12</sup> Mahayudin Hj Yahaya. 1986. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Jilid 2 H-K, art. Ibn Majid, hlm.477-478.

## KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa *hijrah*, *milāḥah* (*riḥlah*) dan *ʿumrān* merupakan pemangkin, pendorong, dan penunjuk arah kepada pembangunan dan kemakmuran masyarakat dan sekali gus menjadi penyumbang terbesar tamadun Islam dalam bidang teknologi perhubungan di peringkat dunia. Ketiga-tiga bidang tersebut saling berkait dan telah dilalui oleh setiap ahli pelayaran, pengembaraan, dan pendakwah Islam ke mana sahaja mereka pergi, sama ada dari barat ke timur dan dari timur ke barat, atau dari utara ke selatan dan dari selatan ke utara dalam usaha menjalin hubungan antara manusia dengan Tuhan, antara manusia sesama manusia dan antara manusia dengan alam sekeliling.

Sistem perhubungan yang dibawa oleh pengembara-pengembara dan cedekiawan-cedekiawan Islam adalah bersifat “selektif” dan “berpilih” berdasarkan ajaran agama Islam dan akhlak Islam yang mulia dan melaksanakan nilai-nilai universal serta “berfungsi” bagi memelihara kualiti hidup masyarakat yang harmoni, aman makmur serta mendapat perlindungan dan keredaan Allah *Subḥānahu wa Taʿāla*. Walaupun kerjaya berbeza, tetapi tanggungjawab mereka adalah sama, iaitu melaksanakan 4P menerusi komunikasi yang sihat dan selamat bersama masyarakat setempat. Konsep *wasāṭiyyah* iaitu keseimbangan dari segi tindakan dan keputusan yang dibuat menyebabkan sistem perhubungan *trans-communication* dapat berjalan dengan lancar, bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga dari segi mental, spiritual dan emosi. Hasil daripada perhubungan *trans-communication* inilah yang menyebabkan masyarakat dunia terpengaruh dengan Islam dan ilmu-ilmu yang dibawanya. Idea dan pemikiran yang seimbang dan universal ini jugalah yang membawa kepada transformasi sosial sehingga lahirnya semangat setiakawan yang tidak berbelah bagi antara rakyat dan pemerintah dan antara ulama dan *umara`* yang diamalkan oleh Negara Zikir di negara ini.

## CADANGAN

Bagi melahirkan teknologi perhubungan bersepadu dan universal (*umarn `alam – tran-communication*), beberapa usaha perlu dilakukan, di antaranya adalah seperti yang berikut:

1. Mengadakan majlis **forum** di peringkat serantau dan antarabangsa mengenai sistem perhubungan dan komunikasi, dan sumbangnya kepada pembangunan negara bagi menghadapi cabaran semasa di era blobalisasi.

2. Mewujudkan **program penyelidikan sumber alam** di Negara Brunei Darussalam, di bawah pengendalian “Fakulti Pengurusann Pembangunan Sumber Alam”. Di antara fungsinya ialah menyimpan dan memelihara bahan-bahan sejarah dan sumber alam, termasuk sumber maritim sama ada dalam bentuk artifact, buku atau manuskrip untuk dijadikan rujukan dan bahan sejarah dan tamadun Islam di negara ini.

3. Penerbitan “*Ensiklopedia Maritim dan Komunikasi Islam*”. Ia boleh diterbitkan secara bersiri menerusi kerjasama serantau mengikut kawasan atau negeri, dan katamasukan (enteri) disusun mengikut “tema” atau “abjad”.

Sekian, *wabillahi tawfiq wa al-hidayah, assalamu`alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.*

## Bibliografi

*Al-Qur`ān al-Karīm.*

`Abd al-Raḥmān bin Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Daār al-Kutub al-Ilmiyyah,  
Beirut, al-Tab`ah al-Ūlā, Beirut, 1993

Abd al-Sallam Harun (pyt.). 1960-1961. *al-Mu`jam al-Wasit*, 2 Jilid, Mesir: Majm` al-  
Lughah al-`Arabiyyah.

Abu Mansur Muhammad bin Ahmad al-Azhari (282-370 H).

*Tahdhib al-Lughah*, Jilid 14. Kaherah: al-Dar al-Misriyyah Li al-Ta`lif wa al-Tarjumah.

Ensiklopedia Dunia.2005 (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jilid 9.

Al-Farabi. 1968. *Kitab Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah*. Albert Nasri Nadir (ed.).

Beirut: Dar al-Mashriq.

Ibn Battutah. 1967. *Rihlah*: Matba`ah al-Istiqamah, Jilid 2.

Ibn Hawqal, Abu al-Qasim. 1872. *Kitāb al-Masālik wa al-Mamālik*. Leiden: (t.p.).

Ibn Jubayr. (t,t). *Rihlah Ibn Jubayr*. Beirut: Dar al-Sharqi al-`Arabi.

Ibn Khaldun. 1991. *Muqaddimah*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.

Mahdi Muhsin .1954. *Ibn Khaldun`s Philosophy of History*, Chicago: University of  
Chicago.

Mahayudin Hj. Yahaya. 1992. "Surutan Konsep Ilmu Mengikut Pandangan Sarjana-Sarjana  
Muslim Zaman Silam: Teori dan Kaedah". *Kesturi*, Jurnal Sains Islam: Penerbit UKM.

\_\_\_\_\_. 1998. *Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_, 2001. *Tamadun Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

\_\_\_\_\_. 2011. “Umrān al-`Ālam Dari Perspektif Ibn Khaldun: Suatu Anjakan Paradigma”,  
*International Journal of West Asian Studies*, vol 3, I.

Muhammad `Abid al-Jabiri. 1992. *Fikr Ibn Khaldun al-`Asabiyyah wa al-Dawlah*. Beirut. Markaz  
Dirāasat al-Wihdah al-`Arabiyyah (al-Tab`ah al-Khamisah).

Muhammad Diya` al-Din al-Rayes. 1979. *al-Nazariyyāt al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah*. Mesir: Dār  
al-Ma`ārif

Muṣṭafā al-Syak`ah. 1988. *al-Usus al-Islāmiyyah fi fikr Ibn Khaldūn*. Kaherah: al-Dar al-Misriyah  
al-Lubnaniyah.